

PROFIL

YBM. TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHAMMAD HAMZAH

(Ahli Dewan Rakyat Kawasan Ulu
Kelantan)

Menteri Kewangan

TENGKU Razaleigh dilahirkan pada 13 April, 1937 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau ialah putera kedua dari bekas Menteri Besar Kelantan, Tengku Sri Mahataja Mohammad Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (wafat 1961), yang berketurunan Long Yunus, Raja yang memerintah Negeri Kelantan dan tahun 1776 hingga 1795.

Tengku Razaleigh juga ialah kerabat diraja Kelantan. Bapa saudara sabit kepada Sultan yang kini memerintah Kelantan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Putra.

Tengku Razaleigh mendapat pendidikan awal di Sekolah Padang Garung, Kota Bharu dan Sultan Ismail College, Kota Bharu hingga lulus HSC pada tahun 1954. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian di Queen's University Belfast, Northern Ireland, sehingga mendapat ijazah B.Sc. (Economic) dalam tahun 1958. Beliau kemudian menuntut ilmu undang-undang di Lincoln's Inn, London, tetapi terpaksa kembali ke tanahair kerana wafat ayahandanya dalam tahun 1961.

Tengku Razaleigh kemudian mengendalikan perniagaan keluarganya di Kota Bharu. Beliau dilantik sebagai Penasihat kepada Indian Overseas Bank pada tahun 1964. (Sekarang bertukar nama kepada United Asian Bank). Setahun kemudian beliau dilantik menjadi Pengarah Kerja Bank Bumiputra di Kuala

Lumpur. Pada tahun 1970 Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi dan Pengarah Urusan Bank Bumiputra.

Dari tahun 1970 hingga 1974 Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi Perbadanan Nasional (PERNAS). Beliau mengetuai rombongan perdagangan rasmi Malaysia pertama ke Republik Rakyat China dalam tahun 1971. Tengku Razaleigh dilantik menjadi Pengerusi Perbadanan Petrol Nasional (PETRONAS) sejak ditubuhkan pada tahun 1974.

Tengku Razaleigh dilantik menjadi Menteri Kewangan pada 5 Mac 1976 bagi menggantikan Datuk Hussein Onn, yang melepaskan jawatan itu apabila beliau dilantik menjadi Perdana Menteri yang ketiga.

Tengku Razaleigh menang tanpa bertanding dalam pilihanraya umum 1974 bagi kerusi Dewan Rakyat kawasan Ulu Kelantan sebagai calon Barisan Nasional, beliau mengekalkan kemenangannya dalam pilihanraya bagi tahun 1978 dan 1982.

Tengku Razaleigh aktif dalam UMNO sejak kembali dari luar negeri pada tahun 1961 dengan bermula sebagai ahli biasa UMNO. Beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1963.

Pada tahun 1967 Tengku Razaleigh dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Kelantan yang dipengerusi sendiri oleh Tun Abdul Razak, yang ketika itu menjadi Timbalan Pengerusi UMNO dan Timbalan Perdana Menteri.

Tengku Razaleigh dilantik sebagai Bendahari Kehormat UMNO Malaysia pada tahun 1971. Beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Kelantan dari tahun 1972 hinggalah kekal hingga sekarang.

PROFIL

YB. DATO' DR. LING LIONG SIK

(Ahli Dewan Rakyat Kawasan Mata
Kuching, Seberang Prai)

Timbalan Menteri Kewangan

DATO' Dr. Ling Liong Sik dilahirkan pada 18 September, 1943 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau mendapat didikan dari Sekolah King Edward VII, Taiping, dan di Maktab Tentera Diraja di Sungai Besi.

Beliau melanjutkan pengajian dalam jurusan perubatan di Universiti Singapura dan mendapat Ijazah MBBS pada tahun 1966.

Dato' Dr. Ling kemudian bertugas sebagai Pegawai Perubatan di beberapa buah hospital di Seberang Prai dan Pulau Pinang, sebelum membuka klinik sendiri.

Dato' Ling bertanding dalam Pilihanraya Umum



Tengku Razaleigh dilantik, menjadi Naib Presiden UMNO Malaysia pada tahun 1972 dan masih terus memegang jawatan itu hingga sekarang. Beliau juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Barisan Nasional Negeri Kelantan dan terus memegang jawatan sejak tahun 1978.

Tengku Razaleigh pernah menjadi Wakil Rakyat dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, setelah memenangi kerusi Ulu Kelantan Barat dengan majoriti terbesar menewaskan calon PAS dalam pilihanraya peringkat negeri pada tahun 1969.

Di bawah pimpinannya, Barisan Nasional Negeri Kelantan telah berjaya menumbangkan kerajaan PAS (yang telah memerintah selama 18 tahun dalam pilihanraya negeri dalam tahun 1978).

Di bawah pimpinannya juga Kelantan menjadi negeri yang pertama di Malaysia mempunyai rancangan pembangunan negerinya sendiri, sebaik saja Barisan Nasional berkuasa setelah pilihanraya Dewan Undangan Negeri tahun 1978.

Tengku Razaleigh ialah Pengerusi Jawatankuasa Bangunan Ibu Pejabat UMNO Malaysia; Ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji dari tahun 1977 hinggalah sekarang. Beliau pernah ditugaskan oleh Perdana Menteri bagi menyemak dan menyelaraskan gaji dan elaun anggota Kabinet. Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli Exco Negeri, Wakil Rakyat di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri sejak tahun 1980.

Tengku Razaleigh juga pernah menjadi Timbalan Pengerusi dan salah seorang dari lima pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputera dari tahun 1978, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pelaburan (termasuk yang berkait dengan skim pemindahan hak-milik dan Amanah Saham Nasional), sejak tahun 1980. Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perlaksanaan Projek-projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat sejak tahun 1980.

Tengku Razaleigh adalah juga Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dari tahun 1970 hingga 1976; Presiden Nasional Chamber Of Commerce dari tahun 1975 hingga 1976; Pengerusi kepada Bank Pembangunan Asian dari tahun 1976 hingga 1977; Pengerusi kepada Bank Pembangunan Islam sejak tahun 1977 hingga 1978. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga Gabenor, Bank Dunia & IMF dari tahun 1977 hingga 1978.

Tengku Razaleigh adalah Setiausaha Agung Persatuan Melayu United Kingdom dari tahun 1958

Lihat Muka 20

1974 bagi kerusi Dewan Rakyat Kawasan Mata Kuching, Seberang Prai dan menanginya.

Selepas memenangi pilihanraya tersebut beliau terus dengan kerjanya sebagai seorang doktor perubatan secara persendirian sehingga tahun 1976, dilantik menjadi Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

Dato' Dr. Ling dilantik menjadi Timbalan Menteri Penerangan pada tahun 1978, setelah memenangi pilihanraya umum tahun tersebut.

Dato' Dr. Ling kemudian dilantik menjadi Timbalan Menteri Kewangan setelah memenangi pilihanraya umum untuk kali ketiganya pada tahun 1982 di kawasan yang sama. Jawatan ini dipegangnya hingga sekarang.

Dato' Dr. Ling aktif dalam politik sejak tahun 1971, dengan menganggotai M.C.A.

Beliau dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat Parti itu dari 1972 hingga sekarang. Dato' Dr. Ling

juga pernah menjadi Setiausaha M.C.A. Negeri Pulau Pinang dari tahun 1972 hingga 1977. Beliau ialah Naib Presiden M.C.A. kebangsaan dari tahun 1977 hingga 1983.

Dato' Dr. Ling ialah Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan bagi Asia Pacific pada tahun 1979 hingga 1982; Presiden Kesatuan Rugby Malaysia dari tahun 1980 hingga sekarang; Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Singapura pada tahun 1964; Persatuan Murid-Murid Tua Kolej Tentera Diraja Malaysia pada tahun 1979 hingga 1981. Beliau juga ialah penerima Honours Award Outward Bound School, Lumut.

Beliau dianugerahkan D.P.M.P. yang membawa gelaran Dato' oleh Baginda Sultan Perak pada tahun 1982.

Beliau berkahwin dengan Datin Ong Ee Nah dan mempunyai dua orang anak lelaki.

YB. ENCIK SABARUDDIN BIN CHIK

(Ahli Dewan Rakyat Kawasan Temerloh, Pahang)

Timbalan Menteri Kewangan

TIMBALAN Menteri Kewangan, Encik Sabaruddin dilahirkan pada 11 Disember 1941, di Temerloh, Pahang. Beliau mendapat pendidikan awal dari Sekolah Melayu Bintang dan Sekolah Abu Bakar, di Temerloh, Pahang, hingga Tingkatan Lima; kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar hingga lulus HSC pada tahun 1962.

Encik Sabaruddin kemudian melanjutkan pengajiannya ke Universiti Malaya hingga memperoleh B.A. (Hons) pada tahun 1966.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1966 dan menjadi Penolong Setiausaha bagi Kerajaan Negeri Sembilan. Setahun kemudian beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Luar Negeri. Encik Sabaruddin seterusnya dilantik menjadi Kuasa Usaha, Kedutaan Malaysia di Saigon dari tahun 1967 hingga 1971.

Bila kembali ke Malaysia pada tahun 1971, Encik Sabaruddin dilantik menjadi Penolong Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri.

Encik Sabaruddin aktif dalam UMNO sejak akhir tahun 70-an. Beliau ialah Ketua Pergerakan UMNO Cawangan Temerloh dari tahun 1980 hingga 1982; Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh

Dari Muka 19

hingga 1959 dan juga Presiden Malayan Students Union, United Kingdom dari tahun 1960 hingga 1961.

Beliau pernah menganggotai delegasi Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu, yang diketuai oleh Tun Dr. Ismail, Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri pada tahun 1962.

Tengku Razaleigh seharusnya berbangga kerana di bawah kelolaannya sebagai Menteri Kewangan, ekonomi negara terus tumbuh berkembang dengan pesat, membantu melicinkan proses pelaksanaan dan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Beliau yang gemar membaca dan menikmati muzik Melayu, Timur dan Barat dianugerahkan DK (Kelantan) pada tahun 1978; PSM (Persekutuan) pada tahun 1975; SPMK (Kelantan) pada tahun 1967 dan SSPA (Pahang) pada tahun 1980.

Tengku Razaleigh mendapat gelaran 'Bapak Ekonomi Bumiputera' dari Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dalam Mesyuarat Agungnya dalam tahun 1977. ■



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

dari tahun 1980 hingga tahun 1982 dan Ketua Bahagian UMNO Bahagian Temerloh dari tahun 1982 hingga 1984.

Beliau ialah juga Ahli Persatuan Kebajikan Anak-anak Pahang di Kuala Lumpur; Ahli MAKSUP; Ahli Kelab Dagang di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; Ahli Kelab SAKSA di Pejabat SUK, Selangor.

Selain itu, beliau juga Ahli Jawatankuasa FAM; Ahli Jawatankuasa Agung, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Encik Sabaruddin yang juga Ahli Kumpulan Kerja mengenai Perdagangan Asean telah menghasilkan sebuah Thesis untuk memperoleh ijazah M.P.A. bertajuk 'National Ideology and Bureaucracy in Malaysia'.

Beliau dikurniakan S.M.N. oleh Baginda Sultan Selangor pada tahun 1982.

Beliau berkahwin dengan Cik Faridah binti Mohammad dan mempunyai empat orang anak.

Encik Sabaruddin mengambil peluang melanjutkan pelajarannya di Institute of Social Studies di Hague, Negeri Belanda, dari tahun 1972 hingga 1974 dan memperoleh Diploma I.N.D. dan M.P.A.

Bila kembali semula ke Malaysia beliau dilantik menjadi Pengarah Perancangan di Jabatan Perdana Menteri dan setahun kemudian menjadi Pengarah Bahagian Perdagangan Antarabangsa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hingga tahun 1979.

Encik Sabaruddin dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1980 dan setahun kemudian dilantik menjadi Pengurus Besar Kanan Pemas Trading Sdn. Bhd. hinggalah meletakkan jawatan untuk bertanding dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1982 bagi kerusi Dewan Rakyat Kawasan Temerloh sebagai calon Barisan Nasional. ■